

Headline	Tabung Haji wujud Unit Kebajikan abntu keluarga jemaah		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	23 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	23	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	287 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,724
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,172



# Tabung Haji wujud Unit Kebajikan bantu keluarga jemaah

KOTA TINGGI 22 Sept. - Pengerusan Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) yang tidak menyertai rombongan ke Mekah pada musim haji kali ini melakukan satu pendekatan baharu dengan mewujudkan Unit Kebajikan Khas bagi membantu keluarga jemaah haji yang meninggal dunia di tanah suci.

Pengerusinya, Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim berkata, pendekatan tersebut bertujuan menjamin keluarga jemaah terbabit mendapat bantuan sewajarnya sama ada dalam bentuk kewangan atau apa sahaja keperluan mereka.

"Saya dan barisan Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji akan bersama-sama turun padang menziarahi ahli keluarga jemaah yang meninggal dunia di sana untuk bertanya khabar di samping memberi sokongan moral.

"Pihak Tabung Haji juga akan menghulurkan sebarang bantuan dalam bentuk kewangan atau barang keperluan seharian. Kita sedia maklum bahawa budaya orang Islam lazimnya akan mengadakan kenduri tahlil arwah dan dengan bantuan tersebut, diharap mampu meringankan perbelanjaan keluarga jemaah terbabit," katanya selepas menziarahi keluarga Allahyarham Daud Kassim, 64, yang meninggal dunia akibat serangan jantung di Madinah pada 16 September lalu di kediaman keluarganya di Felda Bukit Easter di sini hari ini.

Pada masa yang sama, Abdul Azeez turut memberi hadiah isti-

mewa kepada isteri Daud iaitu Saniah Sanusi, 56, dan anak lelakinya, Mohamad Hanafe, 30, dengan memberi kelulusan khas untuk menunaikan haji pada tahun depan.

"Saya meluluskan serta-merta permohonan isteri arwah untuk menunaikan haji pada tahun depan dengan ditemani anak lelakinya dengan menggunakan kuota saya.

"Hadiah istimewa ini hanya akan diberikan kepada pasangan jemaah haji yang meninggal dunia

sebelum sempat menunaikan rukun Islam kelima itu dan kami juga akan cuba menunaikan haji bagi pihak arwah agar hasratnya tercapai," katanya.

Sementara itu, beliau menasihatkan supaya orang ramai tidak mudah terpedaya dengan promosi kuota haji yang ditawarkan khususnya menerusi laman sosial.

Sebaliknya, Abdul Azeez menasihatkan supaya sebarang urusan berkaitan haji diuruskan secara terus di kaunter Tabung Haji yang berdekatan bagi mengelak berlaku penipuan.

"Kewujudan kuota lebih untuk menunaikan haji hanya diperoleh Tabung Haji selepas mendapat kebenaran daripada kerajaan Arab Saudi dan tidak pernah diberikan kepada mana-mana agensi pelancongan secara langsung.

"Saya tidak mahu orang ramai tertipu dengan ejen pelancongan tidak bertanggungjawab yang hanya mahu mengaut keuntungan tanpa mengira halal dan haram," katanya.



ABDUL Azeez Abdul Rahim, menyampaikan sumbangan pihak Tabung Haji kepada Saniah Sanusi (dua dari kiri), balu Allahyarham Daud Kassim yang meninggal dunia di Mekah di Felda Bukit Easter, Kota Tinggi, semalam.